

Qalam

KDN. 2180 M.C. (P) 2813/58

Ramadhan 1386 Januari 1967

Bilangan 198 60 sen

Subsidi Untuk Menerbitkan

Kitab-kitab Agama

Menteri Besar Perak, Dato' Ahmad Said di dalam seruannya kepada pemimpin-pemimpin agama dan cerdik pandai di negeri ini supaya menghuraikan dengan jelasnya kandungan al-Qur'an supaya orang-orang Islam dan juga bukan Islam benar-benar mengerti akan ajarannya.

Seruan Menteri Besar ini hendaknya janganlah tinggal kepada seruan sahaja dan hendaknya, Kerajaan Pusat yang banyak berusaha untuk mendirikan masjid-masjid di merata-rata tempat di dalam Malaysia sama ada di Barat atau di Timur memerhatikan seruan ini supaya Kerajaan Pusat menjalankan ikhtiar meluaskan siaran-siaran dan buku-buku bukan sahaja dibentuk oleh kerajaan tetapi juga memberikan subsidi-subsidi kepada penerbitan-penerbitan agama supaya mereka lebih luas lagi dapat mengadakan kitab-kitab agama yang bersesuaian bahasa dan caranya di zaman kita ini.

Bukan sahaja tafsir-tafsir Qur'an yang dikehendaki tetapi juga kitab-kitab agama yang luas yang membahas tentang hukum-hukum agama, dalam hukum fakih¹ dan seumpamanya hendaklah meluaskan

siarannya kerana angkatan-angkatan muda telah mencaci dan telah mencela akan sulitnya mengetahui ajaran-agaran agama menerusi kitab-kitab agama yang ada dengan kerana bahasa dan caranya sukar difaham dan dengan sendirinya tidak mendatangkan daya penarik untuk mempelajari dan mengetahuinya.

Mungkin ada penerbit-penerbit yang mahu berusaha mengadakan kitab-kitab besar dan kecil bagi menggantikan kitab-kitab lama yang luas seperti *Maṭla 'al-Badrayn*, *Sabil al-Muhtadīn* dan seumpamanya tetapi sudah tentu untuk mengadakan yang demikian itu bukanlah suatu pekerjaan yang mudah dan tidak berhajatkan kepada modal-modal. Dengan kerana itu maka patutlah kerajaan sebagaimana memikirkan kepada bantuan-bantuan mendirikan masjid-masjid memberi pula subsidi kepada usaha-usaha penerbitan yang akan berusaha dalam mengadakan buku-buku agama kerana jika kerja-kerja itu semata-mata diserahkan kepada jabatan agama masing-masing negeri sudah tentu tidak akan tercapai bahkan kitab-kitab agama yang tua itu mungkin tidak akan dapat diganti dengan segera.

Kalau benar-benar usaha-usaha membantu perkembangan agama maka tidak ada ertinya masjidnya cantik-cantik dan banyak tetapi dari satu ke suatu masa pengisian masjid itu akan kurang dan jiwa beragama hanya tinggal pada kata-kata sahaja kalau masyarakat tidak dijawai dengan kitab-kitab agama yang berfaedah dan berguna.

Negara-negara Arab Dengan Peristiwa Palestin

Israel telah menyerang Samu

sebuah wilayah berhampiran dengan al-Khalil al-Rahman (Hebron) pada 13 November yang lalu dengan alasan-alasan bahawa Jordan adalah mempersenjatai orang Palestin untuk mengadakan gerak-gerak haram di Israel.

Serangan Israel yang mengejut dengan menggunakan kapal terbang dengan membombardir raya sehingga hancur adalah mengejut dunia dan menaikkan kemarahan dunia Islam seluruhnya. Perbuatan-perbuatan Israel ia mungkin ekor dari peristiwa-peristiwa kecerobohan Syahūnī di Amerika di dalam mana Kedutaan Syria diserang mereka dan juga mungkin dari ekor² Datuk Bandar New York memboikot jamuan yang bakal diberi kepada *al-Malik Faisal* dari Sa'udiyah yang melawat Amerika tempoh hari.

President Ayub Khan dari Pakistan di dalam ucapan radionya menyatakan: "Israel adalah bahaya yang tetap negara-negara Islam umumnya dan kepada Sharq al-Urdun (Jordan) khususnya. Tidak dapat dinafikan ketabahan dan keberanian dari Jordan menghadapi bahaya-bahaya itu. Tetapi sekali-pun begitu negara-negara Islam hendaklah membantu dan menolong dengan amalan kepada Jordan. Pakistan adalah membantu dengan sepenuhnya dan akan menolongnya dengan apa jalan jua pun".

Ucapan yang tegas daripada kerajaan Pakistan ia adalah membayangkan bahawa kerajaan Islam adalah bertanggungjawab terhadap kepada masalah Palestin yang terletak di dalamnya Masjid al-Aqsa yang wajib dipertahankan dengan jihad daripada dirampas oleh Israel.

Al-Malik Faisal bagi kerajaan Arabiyah Sa'udiyah pernah berkata bahawa

¹ Perkataan sebenarnya ialah fekah.

² perkataan sebenarnya mungkin adalah ekoran, berdasarkan konteks ayat.

baginda sendiri ke medan perang Palestine bersama-sama dengan saudara-saudaranya, dan apabila terberita sahaja serangan Israel di daerah Hebron itu maka 20,000 tenteranya yang berada di Tabuk dihantarkan ke Jordan untuk membantu kerajaan Jordan dan akan mempertahankan bersama tanah Palestin itu. Semangat ia tentunya terdiri dari semangat tanggungjawab kepada persaudaraan Islam dan Bait-ul Maqdis.

Bagaimana keadaan negara-negara Arab di dalam peristiwa ini? Negara-negara Arab berselisih di antara satu dengan lain.
– Yang beraja dan yang tidak beraja. *Al-Malik Faisal* di dalam ucapannya mengharap kepada umat Arab bersatu di dalam menghadapi musuh dari luar ini berharap pula supaya umat Arab melupakan perselisihan-perselisihan di antara mereka. Umat Arab dan umat Palestine diharap bersatu untuk menghadapi *Şahyūnī* itulah harapan baginda.

Tetapi peristiwa serangan *Şahyūnī* itu nampaknya telah digunakan oleh satu golongan lain negara untuk menangguk di air yang keruh bagi mempengaruhi rakyat-rakyat di negara beraja termasuk di Jordan. Rakyat dihasut dan kerajaan Jordan disalahkan dan dituduh sebagai alat penjajah British dan Amerika dan memberi jalan kepada *Şahyūnī* mengadakan serangan ke atas Jordan.

Tunjuk perasaan timbul di Jordan dengan tuduhan-tuduhan itu, dan yang mengembalikan pula bahawa tulang belakang daripada tunjuk-tunjuk perasaan itu tidak berbuat sesuatu pun

yang menunjukkan ia ada bekerja untuk mempertahankan tanah suci itu bahkan ada yang negaranya bersempadan dengan Israel diam sahaja.

Ini menimbulkan pertanyaan: Apakah sejarah akan berlaku dua kali lagi dalam peristiwa Palestin? Palestin dibahagi oleh penjajah dan dengan pembahagian itulah berdiri negara Israel. Ia terjadi dalam masa umat Arab berpecah-belah.

Sekarang pengaruh-pengaruh kerajaan Arab yang tidak beraja cuba memasuki negara-negara yang beraja dengan menghasut kebangkitan kebangkitan rakyat-rakyatnya dan menggulingkan raja-raja sendiri, sama ada dengan kekerasan atau dengan apa jalan sekali-pun untuk mendirikan sebuah negara Sosialis. Contoh-contoh yang terang dan jelas ialah peristiwa di Iraq dahulu dan dengan tergulingnya kerajaan dicuba oleh mereka untuk mendirikan satu kesatuan kerajaan-kerajaan Sosialis tetapi kerana dasarnya tidak dapat diterima oleh sebahagian-sebahagian tempat terutamanya pemimpinnya hendak menjajah atau menguasai negeri lain maka langkah-langkah ini gagal dan tidak dapat disatukan.

Jika sifat menangguk di air yang keruh ini berjalan terus tak dapat tiada di dalam masa yang tidak lama lagi Baitul Maqdis yang terletak bersempadan dengan Israel akan diduduki oleh Israel dan apabila terjadi peristiwa yang seperti itu baharulah tertimbul kekesalan negara-negara Arab dan umat Arab sebagaimana kekesalan mereka di dalam peristiwa pembahagian tanah Palestin dahulu yang mengorbankan berjuta-juta rakyat

Arab Palestin yang menderita hingga hari ini.

Kita patut memerhatikan bahawa Jordan yang menjadi pengawal tanah suci itu ialah kerajaan yang miskin dalam serba-serbinya disebabkan keadaan tanah-tanahnya dan sebab itu tentunya mereka berharap bantuan-bantuan dari luar sedang bantuan-bantuan dari negara-negara Islam sendiri sangat sedikit dan bantuan daripada orang yang bercakap besar hampir-hampir tidak ada selain daripada hasutan, merosakkan keamanan dan di mana-mana tempat guna menegakkan maslahat dan kemahuannya. Dengan cara-cara inilah negara-negara Arab tidak mungkin akan bersatu dan cara inilah dikhuatiri pada suatu masa, Palestin akan ditakluk oleh Israel. Kepada Allah diserahkan bagi menyelamatkan tanah suci itu dan kepada-Nya diharap membukakan jalan persaudaraan di antara umat-umat Arab.



Jeneral Haris Nasution sedang melambai-lambaikan tangannya kepada para pelajar yang sedang menunjukkan perasaan di Jakarta.